



Spekulasi, kontroversi & provokasi

Isu salah guna media sosial terus menarik perhatian semua pihak. Hakikatnya kita berada dalam dunia tanpa sempadan yang merubah sama sekali cara kita berhubungan dan berkommunikasi.

Media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram dilihat semakin berkembang pesat dan menjadi trend komunikasi yang tidak dapat dielak lagi. Kini, individu yang tidak memiliki akaun media sosial boleh dikatakan sudah ketinggalan zaman dan hidup ibarat katak di bawah tempurung.

Setuju atau tidak secara perlahan-lahan perkembangan teknologi ini semakin mengubah kehidupan kita secara keseluruhannya.

Persoalannya, apakah ia turut mengubah nilai, pegangan dan budaya kehidupan masyarakat sehingga ada yang sanggup menjadikan media sosial sebagai medan menabur dan menyebarkan fitnah serta berita palsu yang memudaratkan rakyat dan negara?

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menzahirkan kebimbangan terhadap peningkatan jumlah catatan palsu di media sosial sejak kebelakangan ini terutama membabitkan Kerajaan Pakatan Harapan.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, situasi ini termasuk satu catatan dalam akaun Facebook menggunakan nama Menteri FB yang menyiarkan gambar Timbalan Perdana Menteri bersama Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang di mana gambar yang disertakan dengan kapsyen palsu itu adalah gambar lama.

Jadi, pokok pangkalnya pengguna yang menyalah guna media sosial sudah tidak peduli siapa mangsanya. Kita juga tidak terkejut jika ada individu yang menggunakan media sosial untuk menghina Yang di-Pertuan Agong serta pemimpin negara yang lain.

Perkara ini seolah-olah semakin menjadi trend dan satu bentuk kelaziman dalam kalangan pengguna media sosial yang tidak beretika dan berintegriti.

Jadi, perkara ini perlu ditangani dan dihentikan segera. Anggota masyarakat perlu sedar implikasi dan kesan negatif catatan palsu di media sosial yang disebarkan atau dikongsikan.

Sebelum kita membincangkan kesan negatif terbabit, elok kita memahami terlebih dulu iaitu ada dua kategori pengguna media sosial yang tergolong dalam kalangan individu yang menyebarkan berita palsu.

Pertama golongan yang cuba menjadi wartawan ekspres tanpa tauliah. Golongan ini suka menyebarkan sesuatu maklumat atau berita baik tulisan mahupun

gambar dengan hasrat menjadi orang pertama melaporkannya.

Akibat terlalu gopoh dan mahu jadi orang pertama, mereka sebar apa saja yang pada pandangan mereka wajar dihebahkan tanpa sedikitpun mempedulikan kesan buruknya kelak. Mereka sebar atau berkongsi sesuatu maklumat itu tanpa menyasat terlebih dulu kesahihan dan kebenaran berita itu.

Golongan ini kebiasaannya tidak berniat jahat atau mempunyai apa-apa agenda tersembunyi cuma tidak sedar perbuatan mereka itu boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif.

Golongan kedua pula cukup berbahaya dan perlu ditangani segera. Golongan ini adalah individu yang sememangnya berniat jahat dan mempunyai agenda tertentu. Mereka akan menyebarkan pelbagai berita yang boleh mencetuskan spekulasi, kontroversi dan provokasi dalam kalangan masyarakat.

Tujuan mereka cukup jelas dan spesifik, misalnya untuk memporak porandakan perpaduan dalam kalangan rakyat, mengganggu gugat kestabilan politik serta keamanan dan keselamatan negara.

Tindakan *cybertrooper* seperti ini cukup bahaya dan boleh menghancurkan masyarakat dan negara. Tindakan tidak bijak mereka itu boleh menyebabkan sebilangan rakyat percaya dengan apa yang mereka sebar.

Berbalik kepada kesan negatif catatan palsu di media sosial, mahu tidak mahu kita perlu terima hakikat sejak berlaku peralihan tampuk pemerintahan kerajaan dari Barisan Nasional (BN) kepada PH terlalu banyak catatan palsu berlegar dalam media sosial. Ia bukan saja berkisar sekitar isu politik, tetapi sudah mula membabitkan hampir semua aspek kehidupan rakyat.

Hampir setiap hari kita dapati ada saja berita palsu yang disebarkan dan dikongsi pengguna lain tanpa menyasat terlebih dulu kesahihan berita itu.

Umumnya, kita boleh membuat rumusan agenda kelompok *cybertrooper* ini sangat jelas iaitu mahu mencalar imej Kerajaan PH, merobek keyakinan rakyat terhadap kerajaan seterusnya mencetuskan ketegangan kaum untuk menunjukkan kononnya negara berada dalam keadaan yang huru-hara, situasi politik tidak stabil, berlaku perpecahan dalam perpaduan rakyat serta keselamatan negara terancam.

Kesan daripada tindak tanduk kelompok ini ialah, sudah ada rakyat yang mula mempercayai berita palsu yang disebarkan. Misalnya, provokasi perkauman yang dicetuskan oleh golongan ini yang menggambarkan seolah-olah kedudukan dan keselamatan orang Melayu terancam sudah mula mencetuskan ketegangan kaum.

Buktinya apabila berlaku sesuatu insiden yang kecil, kita

terus melihat isu itu dari sudut perkauman dan sudah mula berlaku perbalahan dan pergaduhan walaupun dalam skala yang kecil dan dapat dikawal.

Kita kluatir jika keadaan ini berterusan situasi pasti sukar untuk dikawal dan akhirnya akan mencetuskan pergaduhan yang besar-besaran. Masyarakat perlu sedar itulah tujuan utama *cybertrooper* ini, jadi jangan mudah terjat dalam perangkap mereka.

Serangan demi serangan dalam media sosial terhadap setiap keputusan dan dasar kerajaan dengan niat mahu mencalar imej serta mencari kesalahan turut membimbangkan.

Kita perlu hentikan budaya sengaja mencari kesalahan. Umum akui, ini kerajaan baru, jadi wajar memberi peluang kepada mereka membuktikan kemampuan. Kelemahan pasti ada, tetapi biar kita tegur dan perbetulkan dengan cara berhemah dengan niat ikhlas.

Tidak wajar kita menjatuhkan hukuman begitu cepat terhadap sesuatu keputusan kerajaan tanpa memberi ruang mereka melaksanakannya terlebih dulu. Jika ada kelemahan kita boleh perbaiki dari semasa ke semasa.

Kesannya sekarang pelbagai dasar yang cuba diperkenalkan kerajaan terganggu kerana serangan jahat seperti ini. Akhirnya yang rugi adalah rakyat.

Antara kesan lain apabila disebarkan berita palsu seolah-olah negara huru-hara dan

tidak stabil dan selamat, pelabur akan takut untuk melabur di negara kita. Ini akan menggagalkan usaha kerajaan untuk kembali memulihkan dan merencanakan sektor ekonomi yang masih bergelora akibat ketidakpastian ekonomi global.

Ia akan memberi kesan besar kepada kehidupan rakyat kita. Misalnya, apabila pelabur tidak masuk, ekonomi masih lembap, kerajaan tidak dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Jangan lupa dengan bilangan siswazah yang meningkat, kadar pengangguran turut meningkat naik.

Peningkatan kos sara hidup pula akan terus mencengkam kehidupan rakyat. Oleh itu, tindakan jahat *cybertrooper* ini akan merugikan rakyat akhirnya.

Secara prinsipnya, kita tidak boleh menyalahkan media sosial, malah media sosial banyak membantu individu atau kumpulan yang menggunakannya dengan bijak termasuk untuk perniagaan dan menjana pendapatan.

Jadi, yang bermasalah di sini ialah pengguna media sosial atau lebih dikenali sebagai *cybertrooper* yang mula mengganggu gugat kenteraman rakyat dan negara.

Bersama kita memerangi fitnah dan berita palsu dalam media sosial.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**